

18 FEB 2002

KSN-Pentadbiran

TAHAP KECEKAPAN PERKHIDMATAN AWAM SENTIASA DIPERBAIKI, KATA KSN

JOHOR BAHRU, 18 Feb (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman berkata Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sentiasa berusaha memperbaiki dan meningkatkan kecekapan tahap sistem pentadbiran awam di negara ini bagi mencapai standard dunia.

Katanya, pencapaian standard dunia itu penting kerana ia bukan sahaja akan menguntungkan semua pihak malah dapat mengatasi serta mengurangkan masalah yang wujud di dalam sistem pentadbiran awam negara.

"Selain itu, kita juga dapat mengurangkan aduan-aduan dalam jabatan kerajaan yang kerap dilaporkan di dalam media massa," katanya ketika berucap di majlis makan malam sempena mesyuarat jawatankuasa perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di kediaman rasmi Menteri Besar Johor di Saujana di sini, malam tadi.

Samsudin juga berkata mesyuarat perhubungan yang diadakan empat tahun sekali itu lebih berbentuk sebuah forum bagi memberi peluang kepada pentadbir kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan bertukar pendapat dan menyampaikan segala dasar dan keputusan kerajaan pusat.

"Mesyuarat ini juga memberi peluang kepada kepada pegawai-pegawai dalam kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan untuk sama-sama menangani isu dan perkara yang perlu diselaras dan diselesaikan bersama," katanya.

Beliau turut memuji pentadbiran kerajaan negeri Johor yang diketuai oleh Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman kerana telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan tahap perkhidmatan jabatan kerajaan dengan mengeluarkan garis panduan serta prosedur berurusan dengan jabatan kerajaan di negeri ini.

"Saya bangga dengan pentadbiran Johor kerana telah mengeluarkan panduan tentang tatacara orang ramai untuk berurusan dengan jabatan atau agensi kerajaan di negeri ini," katanya.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga telah meminta supaya pentadbir di negeri-negeri lain supaya mencontohi inisiatif kerajaan negeri Johor dengan mengubal prosedur atau panduan jabatan sendiri.

Sementara itu, Abdul Ghani ketika berucap berkata kerajaan negeri memberi penekanan kepada pembangunan secara holistik yang bukan sahaja mementingkan pembangunan ekonomi negeri, malah setiap aspek kehidupan rakyatnya.

"Kita bukan sahaja mempertahankan perkembangan ekonomi negeri, tetapi juga dalam hal-hal kemasyarakatan yang mencakupi identiti dan kemuliaan hidup masyarakat melalui pelbagai program yang diatur seperti modul keluarga Sakinah dan program Rakan Muda," katanya.

Kira-kira 200 orang terdiri ketua-ketua Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Pengarah, ketua-ketua Jabatan dan pegawai kanan kerajaan termasuk barisan Exco kerajaan negeri hadir pada majlis itu.

-- BERNAMA

RAM RHM